

BAB 5 - PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER

5.1 Pendahuluan

- 5.1.1 Lazimnya sesuatu kerja diserahkan kepada kontraktor secara kontrak untuk dilaksanakan. Kontrak pada amnya dilaksanakan sama ada secara lukisan dan spesifikasi atau berdasarkan kepada senarai kuantiti. Semua kontrak kerja, secara amnya, hendaklah berdasarkan kepada senarai kuantiti kecuali Ketua Pengarah Kerja Raya memutuskan sebaliknya¹. Ini adalah kerana kontrak berdasarkan kepada senarai kuantiti memberi kebaikan-kebaikan seperti berikut:
- (a) Senarai kuantiti membolehkan semua petender menghargakan tender berdasarkan asas yang sama bagi menghasilkan harga-harga tender yang lebih realistik.
 - (b) Oleh kerana kuantiti kerja yang hendak dilaksanakan diukur oleh satu pasukan kerja yang dilantik khas dan tidak oleh petender sendiri, penggunaan sumber dalam industri binaan dan negara adalah lebih optimum. Dalam jangka panjang kos bagi menghargakan tender akan menjadi lebih rendah.
 - (c) Senarai kuantiti menyediakan satu asas yang lebih saksama untuk penilaian kerja yang telah dilaksanakan bagi tujuan bayaran interim dan untuk penilaian perubahan kerja berbanding dengan jadual kadar harga yang digunakan dalam kontrak yang berdasarkan lukisan dan spesifikasi. Kadar-kadar harga dalam jadual kadar harga adalah didapati kurang berkaitan dengan bidang kerja yang diperuntukkan dalam Senarai Kuantiti lebih-lebih lagi berhubung dengan sifat kerja serta kuantiti kerja yang terlibat.
 - (d) Senarai kuantiti adalah satu-satunya asas kos kerja-kerja binaan yang boleh dianalisis secara terperinci dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam perancangan dan kawalan kos.

¹Surat Arahan KPKR Bil. 3/1993 bertarikh 6.8.93